

K-jaan digesa lulus segera teksi rakyat

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia

Pengangkutan Pulau Pinang mengenai perkara ini dan Pengarah tersebut bersetuju bahawa kekurangan kenderaan awam di negeri ini akan dapat diatasi jika teksi rakyat dapat diperkenalkan.

Syed Abbas berkata, teksi rakyat yang dicadangkan oleh Dewan ini adalah sama dengan yang digunakan di selatan Negeri Thai yang dikenali dengan nama "Tut-tut". Kenderaan ini

boleh membawa penumpang maksima seramai 9 orang.

Katanya, teksi jenis ini akan dapat memasuki kawasan-kawasan perumahan dan lorong-lorong di luar bandar yang teksi biasa tidak dapat masuk.

Beliau berpendapat, memperkenalkan teksi rakyat di negeri ini bukan saja akan dapat mengatasi masalah pengangkutan awam, tetapi juga akan

mengurangkan kesesakan lalu lintas.

"Dengan adanya teksi rakyat yang mudah dan murah ini, penggunaan kereta sendiri akan berkurangan di kalangan para pekerja di bandar yang sentiasa menghadapi masalah meletak kereta," katanya.

Katanya, harga sebuah teksi seperti yang dicadangkan itu ialah \$10,000 saja.